

Kerajaan Pusat baik pulih Flat Taman Desa Genting

# 1,785 penghuni gembira

Oleh **AZIZI SAMSUDAIN**  
pengarang@utusan.com.my

## ■ BALIK PULAU 10 JAN.

**K**IRA-KIRA 1,785 penduduk flat Taman Desa Genting di sini menarik nafas lega setelah rumah didiami mereka yang dibaik pulih Kerajaan Pusat sejak dua tahun lalu akhirnya siap sepenuhnya Oktober lalu.

Majlis simbolik penyerahan semula flat itu yang siap dibaik pulih disempurnakan oleh Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya dan turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Bentong, Datuk Muhamad Farid Saad di pekarangan flat tersebut semalam.

Kerja-kerja baik pulih flat berusia kira-kira 20 tahun itu dibuat menerusi dana Projek Penyelenggaraan 1Malaysia (PP1M) melibatkan pembaikan tangki air, bumbung, tangga dan mengecat tiga blok flat berkenaan dengan kos hampir RM700,000.



**MOHD. ZAIDI MOHD. ARIFFIN**



**AISHAH BUDIN**

Pengerusi Taman Desa Genting, **Mohd. Zaidi Mohd. Ariffin** yang sudah 10 tahun tinggal di kawasan itu menyifatkan usaha membaik pulih flat berkenaan yang uzur dan usang sebagai hadiah terbaik kepada penduduk di kawasan itu.

Dia yang berasal dari Kedah berkata, bantuan secara terus daripada Kerajaan Pusat itu juga merupakan kelegaan besar kepada penduduk selepas seolah-olah tidak mendapat perhatian kerajaan negeri.

"Kami sangat berterima kasih

kerana usaha ini membolehkan kami meneruskan kehidupan dalam keadaan lebih selesa," katanya ketika berucap dalam majlis berkenaan.

Sementara itu, seorang penduduk, **Aishah Budin**, 80, berkata, dia tidak pernah menyangka flat yang didiaminya kira-kira 16 tahun lalu itu akan

berubah wajah menjadi lebih selesa serta sempurna.

Ini kerana, katanya, kedudukan flat itu yang terpencil dan di pedalaman seolah-olah tidak dipedulikan pihak tertentu termasuk kerajaan negeri meskipun keadaannya semakin usang.

"Sudah semestinya perhatian daripada Kerajaan Pusat ini akan menjadi ingatan kepada penduduk di sini dan kita berharap lebih banyak jasa dapat disumbangkan kerajaan kepada kami," katanya.



**HILMI YAHAYA dan Muhamad Farid Saad (dua dari kanan)** beramah mesra dengan penduduk sempena majlis penyerahan Projek Penyelenggaraan 1Malaysia, di Flat Taman Desa Genting, Balik Pulau, Pulau Pinang, kelmarin. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM